

KERTAS MODEL UPSR SET 2

MARKAH		
Pemahaman	Penulisan	JUMLAH
50	50	100

PEMAHAMAN

Satu jam lima belas minit

Bahagian A [20 markah]

Soalan 1 – 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 “_____ perlu meminta kebenaran ibu bapa atau penjaga sebelum mengikuti lawatan ke Planetarium Negara,” kata Cikgu Johan kepada murid-murid.
A Kita C Kamu
B Kalian D Awak
- 2 Sabit yang _____ itu diasah oleh datuk untuk menebas rumput di belakang rumah.
A tajam C tumpul
B tirus D runcing
- 3 Haiwan di dalam hutan akan mengalami _____ jika pemburuan secara haram tidak dibanteras.
A dipupuskan C kepupusan
B memupuskan D pupuskan
- 4 Pak Cik Ghani _____ beberapa berkas kayu di atas bahu untuk dijadikan unggun api.
A menjinjing C memikul
B membimbit D menjunjung
- 5 _____ Dayana miskin, _____ dia tidak pernah merungut dan berputus asa.
A Walaupun...namun
B Sungguhpun...jika
C Baik...mahupun
D Bukan sahaja...malahan
- 6 Ibu memasukkan se_____ garam ke dalam masakannya untuk memberi rasa masin.
A titis C cubit
B genggam D titik
- 7 Robot yang dicipta oleh murid-murid sekolah itu _____ dipilih sebagai juara bagi Pertandingan Reka Cipta Kebangsaan.
A belum
B akan
C sedang
D telah
- 8 _____ kem motivasi itu telah disediakan oleh guru-guru untuk melancarkan program pada hari itu.
A Ambil alih
B Atur cara
C Susun atur
D Campur tangan

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Pak Cik Ghani _____ beberapa berkas kayu di atas bahu untuk dijadikan unggun api.
A menjinjing C memikul
B membimbit D menjunjung

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.
Pilih simpulan bahasa yang paling sesuai.



9 Akibat Hanim jatuh sakit secara tiba-tiba, dia terpaksa menjadi _____ untuk menggantikannya dalam pertandingan syarahan.

- A mulut murai C bidan terjun
 B kera sumbang D bintang terang

10 Farhan berasa gelisah selepas mendengar yang Cikgu Jamil mengetahui akan perbuatannya yang membuli Indra.

Pilih perkataan sinonim bagi gelisah.

- A resah C kesal
 B terharu D suram

11 Nenek merebus daging lembu itu sehingga empuk sebelum menggorengnya.

Pilih perkataan antonim bagi empuk.

- A lembut C kenyal
 B liat D gebu

12 Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.

Mengapakah budak yang berdiri di sebelah kamu itu kelihatan takut?

- A Dia ingin berjumpa dengan guru disiplin di bilik guru.
 B Dia kelihatan takut kerana baru berpindah ke sekolah kita.
 C Saya berkenalan dengan budak di sebelah saya ini pagi tadi.
 D Dia berdiri di sebelah saya kerana berasa takut melihat kamu.

13 Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- I Puan Aida menyediakan lauk-pauk yang lazat untuk makanan tengah hari.
 II Saudara-mara telah diundang untuk menghadiri jamuan makan yang diadakan di rumahnya.
 III Rambut pengemis itu compang-camping kerana sudah beberapa hari dia tidak mandi.
 IV Kami terpaksa memanjat semak-samun untuk sampai ke puncak bukit itu.
 A I dan II
 B II dan III
 C III dan IV
 D I dan IV

Soalan 14 dan 15

Pilih ayat yang betul.

- 14 A Jamilah menggilap kasutnya untuk dipakai semasa temu duga.
 B Ayah mengelap papan itu menggunakan pengetam sehingga licin.
 C Encik Vijay penasihat anak lelakinya supaya rajin membantu ibu di rumah.
 D Tangkapan penjenayah yang dikehendaki itu telah berjaya menyelesaikan beberapa jenayah rompak.
 15 A Wanita yang berbaju kebaya itu adalah kawan baik ibu saya.
 B Kumpulan koir daripada sekolah itu berjaya menjadi johan.
 C Markah yang diperolehi adik amat memuaskan hati ibu.
 D Jalan raya yang bengkok-bengkok itu berbahaya kepada pengguna.

Soalan 16 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Air sangat penting dalam kehidupan manusia. Tanpa air, hidup manusia menjadi sukar untuk menjalani kehidupan sehingga boleh membawa maut.

Tubuh manusia memerlukan jumlah air yang mencukupi untuk membantu organ-organ badan yang lain berfungsi dengan baik. Air membawa nutrien dan oksigen ke sel-sel di seluruh badan.

Kehilangan atau kekurangan air akan menyebabkan dehidrasi dan menjadikan otak serta tubuh badan tidak cergas. Minum banyak air akan dapat menghindarkan dehidrasi dan memudahkan proses pencernaan. Kita disarankan untuk minum sebanyak lapan gelas air dalam sehari.

Kanak-kanak yang kurang minum air akan sukar *menumpukan* perhatian terhadap pelajaran. Orang yang kurang minum air akan mudah menghadapi masalah sembelit dan kulit kering. Mereka juga mudah dihidangapi penyakit. Oleh itu, penting bagi kita untuk memastikan keperluan air dalam tubuh badan mencukupi.

Air yang hilang dari tubuh badan haruslah diganti. Air yang diminum hendaklah bersih dan dimasak sehingga benar-benar mendidih. Ini untuk memastikan bakteria dan kuman telah terhapus.

- 16 Air sangat penting kepada manusia kerana air
- A memastikan bakteria dan kuman telah terhapus.
 - B menyebabkan otak serta tubuh badan tidak cergas.
 - C membawa nutrien dan oksigen ke sel-sel di seluruh badan.
 - D memudahkan kita menghadapi masalah sembelit dan kulit kering.
- 17 Mengapakah kita perlu minum air lapan gelas sehari?
- A Mudah dihidangapi penyakit
 - B Menjadikan otak tidak cergas
 - C Memudahkan proses pencernaan
 - D Membantu organ-organ badan tidak berfungsi
- 18 Berikut merupakan masalah yang dihadapi apabila kita kekurangan air **kecuali**
- A sembelit.
 - B dehidrasi.
 - C kulit kering.
 - D kuman terhapus.
- 19 Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan petikan.
- A Air yang hilang dari tubuh badan tidak perlu diganti.
 - B Air membawa nutrien dan dehidrasi ke seluruh badan.
 - C Air yang diminum hendaklah bersih dan dimasak sehingga mendidih.
 - D Kita tidak mudah dihidangapi penyakit jika kurang meminum air.
- 20 Perkataan *menumpukan* dalam petikan seerti dengan perkataan
- A memerhatikan.
 - B memusatkan.
 - C memandang.
 - D melihat.

BAHAGIAN A TAMAT

Bahagian B
[30 markah]

Soalan 21

- (a) *Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat berikut. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.*

(i) Dilla menggemari mata pelajaran Matematik kerana suka melakukan _____.	/	berbaris
(ii) Walaupun terpaksa _____ panjang di kaunter bayaran, Farhana gembira kerana dapat ke pasar raya.		pembakar
(iii) Bahasa Melayu _____ bahasa kebangsaan negara Malaysia.		pengiraan
(iv) Kejayaan kakak menjadi _____ semangat kepada saya untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang.		merupakan

[3 markah]

- (b) *Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah salah penggunaannya. Tulis **perkataan yang betul** dalam ruang yang disediakan.*

- (i) Kita boleh menyimpan wang sama ada di dalam tabung ataupun pada bank.

- (ii) Keluarga Yun Ping telah membeli buah limau untuk diberi pada tetamu semasa Tahun Baharu Cina.


- (iii) Masyarakat hendaklah didedahkan dengan keburukan dan akibat dari pencemaran udara.

[3 markah]


Soalan 22

(a) Nyatakan **penjodoh bilangan** yang sesuai berdasarkan gambar di bawah.


(i)



(ii)



(iii)



[3 markah]

(b) Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

dan	tetapi	atau	lalu
untuk	kerana	malahan	sambil

- (i) Pasukan bola baling sekolah telah menerima ucapan tahniah daripada Guru Besar _____ telah menjadi johan.
- (ii) Kami mengutip sampah sarap di sekitar sekolah _____ membuangnya ke dalam tong sampah.
- (iii) Penyanyi yang bersuara merdu itu menyanyi _____ memetik gitar.
- (iv) Nani seorang budak yang rajin _____ adiknya yang bongsu malas.

[4 markah]

Soalan 23

- (a) Tulis **ayat tanya** yang sesuai bagi jawapan yang diberikan untuk melengkapkan dialog di bawah.

Encik Kamsan : _____

Encik Lim : Ya, asap dari kilang dan kenderaan menyebabkan kualiti udara semakin tercemar.

[2 markah]

- (b) Nyatakan **betul** atau **salah** bagi ayat-ayat di bawah.

Contoh:

Kita haruslah tabah dan tidak berputus asa serta sentiasa berusaha menuntut ilmu.

betul

- (i) Ayah memandu dengan cermat ketika melalui kawasan berbukit yang berpinar-pinar itu.

- (ii) Kami pergi ke ladang strawberi dan membeli buah strawberi sebagai buah tangan.

- (iii) Kami sentiasa mendoakan kejayaan kakak untuk mendapatkan segelung ijazah.

[3 markah]

Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Media elektronik ialah media yang disebarkan secara elektronik seperti televisyen, komputer dan radio. Media ini telah meluas penggunaannya di seluruh negara.

Antara kebaikan media elektronik adalah dapat menyalurkan maklumat dengan pantas. Maklumat yang disalurkan adalah pelbagai jenis dan terkini dari seluruh dunia.

Media elektronik dapat menyampaikan maklumat dan berita dengan lebih menarik. Kita dapat melihat gambar yang bergerak dan berwarna-warni berbanding dengan media cetak. Media elektronik juga mengeluarkan bunyi dan suara yang pelbagai. Keadaan ini amat menarik minat penonton terutamanya kanak-kanak.

Media elektronik juga mempunyai keburukannya. Media ini menyebabkan ramai penonton menjadi leka sehingga terlupa membuat perkara yang lebih utama. Selain itu, keburukan media elektronik ialah ia memerlukan tenaga elektrik untuk berfungsi. Sekiranya tiada tenaga elektrik, pengguna tidak dapat menggunakannya.

(a) Nyatakan dua contoh media elektronik berdasarkan petikan.

(i) _____ (ii) _____ [1 markah]

(b) Selain menyalurkan maklumat dengan pantas, apakah kebaikan media elektronik?

[2 markah]

(c) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah.

Media elektronik tidak akan menyebabkan penonton menjadi leka.

☐

Kanak-kanak tertarik dengan gambar yang bergerak dan berwarna-warni pada media elektronik.

☐

Maklumat yang disalurkan oleh media elektronik pelbagai jenis dan terkini.

☐

[3 markah]

(d) Pada pendapat kamu, mengapakah media elektronik penting kepada murid-murid?


[2 markah]

Soalan 25

Baca iklan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Kem Kecemerlangan Sukan Tarikh: 25 dan 26 Mei 2020 Hari: Sabtu dan Ahad Tempat: Pusat Belia Temerloh	Anjuran bersama Jabatan Pembangunan Belia dan Sukan, Syarikat Minuman Sihat dan Persatuan Bola Sepak Temerloh Penyertaan terbuka kepada semua murid tahun enam yang aktif dalam sukan.
--	--

Permohonan boleh dibuat dengan mengikuti langkah-langkah yang berikut:



(a) Kem Kecemerlangan Sukan diadakan di _____.

[1 markah]

(b) Peserta Kem Aktif Bestari mestilah berumur _____.

[1 markah]


(c) Berdasarkan butiran pada iklan, apakah aktiviti yang mungkin dijalani oleh peserta Kem Kecemerlangan Sukan?

[2 markah]

BAHAGIAN B TAMAT

Bahagian A
[10 markah]

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti-aktiviti di taman rekreasi.
Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.




1

2

3

4

5



Bahagian B
[15 markah]
[Masa dicadangkan: 25 minit]

Poster di bawah tentang Kempen Hapuskan Denggi.

Tulis ulasan tentang **langkah-langkah mencegah pembiakan nyamuk Aedes dalam bentuk perenggan**.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.



HAPUSKAN DENGGI!

Ambil Langkah Bijak Untuk Kesihatan Anda.

HAPUSKAN AEDES

KITA BOLEH!




**Bertindak sekarang.
10 minit sahaja!**

- Setiap hujung minggu
- Periksa rumah
- Hapus tempat pembiakan Aedes

Jom sertai gotong-royong di kawasan anda. Cari serta musnahkan bekas Aedes membiak. Jika demam, dapatkan rawatan segera.

Blank lined paper for writing.



Bahagian C
[25 markah]
[Masa dicadangkan: 35 minit]

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** sahaja.
Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.*

Soalan 1

Kelas tambahan merupakan salah satu cara untuk membantu kita mencapai kejayaan dalam pelajaran. Tulis karangan tentang kebaikan kelas tambahan kepada murid-murid.

Tulis karangan kamu itu selengkapnya.

ATAU

Soalan 2

Sekolah kamu baru sahaja mengadakan kejohanan merentas desa. Tulis catatan sepanjang kejohanan tersebut berlangsung.

Tulis catatan kamu itu selengkapnya.

Blank lined paper for writing.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

